



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN DEEPAVALI 2024

PUTRAJAYA, 9 NOVEMBER 2024 – Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2024 yang telah bermula pada 28 Oktober 2024 dan berakhir pada 3 November 2024 lalu telah dilaksanakan dengan jayanya. Pelaksanaan Skim ini merupakan langkah kerajaan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat terutama kepada masyarakat yang menyambutnya.

Tempoh pelaksanaan skim ini adalah selama 7 hari, berkuat kuasa pada 3 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 3 hari selepas perayaan. Sebanyak 8 jenis barangan harga terkawal berserta harga maksimumnya telah diwartakan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2024.

Sepanjang tempoh penguatkuasaan SHMMP Deepavali 2024, sebanyak 3,887 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis perniagaan di seluruh negara merangkumi 61 pemeriksaan ke atas premis pengeluar dan borong serta 3,826 pemeriksaan ke atas premis runcit. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sejumlah 66 kes telah dihasilkan melibatkan sitaan bernilai RM3,870.50 serta jumlah kompaun sebanyak RM7,100.00 kerana kegagalan peniaga menggunakan tanda harga khas merah jambu (65 kes) dan menjual melebihi harga maksimum (1 kes).

KPDN juga tidak menerima sebarang aduan semasa pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2024. Majoriti peniaga yang diperiksa komited serta mematuhi perundangan harga maksimum yang berkuat kuasa sepanjang pelaksanaan skim ini. Kementerian ingin merakamkan penghargaan kepada pihak industri dan keseluruhan peniaga atas komitmen serta kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan skim ini.

Berdasarkan pemantauan yang telah dilakukan serta maklum balas orang ramai, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2024 telah berjalan dengan baik dan lancar.

DATUK AZMAN BIN ADAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###